

# Buletin



*Naju · Dinamik · Lestari*  
**MAJLIS DAERAH LABIS**

# 2022





# ISI KANDUNGAN

Ucapan Yang Dipertua MDL	3
Lawatan DYMM Sultan Johor ke pusat pemindahan sementara banjir	
Lawatan Menteri Besar Johor ke pusat pemindahan sementara banjir	
Southern Volunteers Labis membantu pusat pemindahan sementara banjir	4
Lawatan Rasmi YB Dato' Haji Azmi Bin Rohani Misi Bantuan Pasca Banjir Southern Volunteers Labis	
Misi Bantuan Pasca Banjir	
Operasi Bersepadu sempena Sambutan Thaipusam 2022	5
Majlis Taklimat & Undian Petak Bazar Ramadan Tahun 2022	6
Pemantauan Bazar Ramadan 2022	
Misi Bantuan Banjir Southern Volunteers Majlis Daerah Labis	7
Sesi Townhall Bagi Perbincangan Lokasi Permindahan Sementara Perniagaan Bagi Peniaga-peniaga Kekal Dataran Niaga, Labis	8
Lawatan Tapak Kerja Mesyuarat Pelarasan	
Pemantauan Penguatkuasa	9
Lawatan Kerja Penandaarasan	
Penglibatan Bersama Para Penjaja dan Majlis Daerah Labis	
Lawatan Pengauditan Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)	10
Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis	
Keberangkatan DYMM Sultan Johor Ke Labis	11
Raptai Sambutan Hari Kebangsaan Yang Ke-65 Sambutan Ambang Kemerdekaan Yang Ke-65	12
Kejohanan Badminton antara jabatan daerah Segamat	
Majlis Menandatangani Dan Serahan Surat Setuju Terima Operasi Menurunkan Kain Rentang / Gegantung	13
Program Local Agenda 21 'Hike To Clean'	
Kunjungan dari SK Labis	14
Lawatan Menteri Besar Johor Ke Parlimen Labis	15
Program Sihat Cergas Bersama Komuniti Sihat Mengemaskini Data Peribadi Terkini	
Pembukaan Kaunter Luar	16
Penilaian Majestic Johor Standard Rondaan Bagi Pemantauan	17
Anugerah Bandar Mampan Tahun 2022	
Keberangkatan Tiba Dymm Permaisuri Johor Dan Che' Puan Besar Ke Labis	18
Majlis Pelancaran Johor Bersih	19
Aktiviti Plogging Oleh Skwad Bistari Kesihatan MDL	20
	21
Sambutan Hari Raya Aidilfitri MDL 2022	22
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 dan Malam Sanjungan Budi 2022	23

## SIDANG PENGARANG

*Penaung*

**HERMAN BIN-RABAN**  
Yang Dipertua

*Penasihat*

**FAZARUDDIN BIN SALAMAT**  
Setiausaha

*Editor*

**SEKSYEN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM**  
**SEKSYEN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

*Koresponden*

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**  
**BAHAGIAN KEJURUTERAAN**  
**BAHAGIAN KEWANGAN**  
**BAHAGIAN PERANCANG BANDAR DAN LANDSKAP**  
**BAHAGIAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**  
**BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN AWAM**  
**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN**  
**UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)**  
**UNIT UNDANG-UNDANG**  
**UNIT AUDIT DALAM**





## UCAPAN YANG DIPERTUA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, Buletin Majlis Daerah Labis Tahun 2023 dapat diterbitkan. Saya selaku Yang Dipertua Majlis Daerah Labis dengan rasa berbesar hati ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga kerja Majlis Daerah Labis di atas komitmen dan kerjasama pelaksanaan kerja sepanjang Tahun 2022 bak kata pepatah "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".

Majlis Daerah Labis merupakan perancang utama pembangunan dan perkhidmatan di kawasan Labis. Oleh yang demikian, Majlis Daerah Labis telah mempunyai satu halatuju yang jelas dan strategi yang mantap bagi memastikan perancangan, pembangunan dan perkhidmatannya sentiasa berkualiti, cekap dan menepati kehendak pelanggan. Selain itu, Majlis Daerah Labis juga telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk keselesaan orang awam dan pelancong dengan adanya tempat beriadah, pusat perniagaan, kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Kebersihan kawasan, keceriaan dan keindahan landskap di bawah pentadbiran Majlis Daerah Labis amat dititikberatkan demi kesejahteraan penduduk Labis. Sehubungan dengan itu, menjaga kebersihan kawasan persekitaran dan kemudahan awam adalah di bawah tanggungjawab kita bersama demi kelestarian kawasan Labis. Pihak Majlis Daerah Labis mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Labis, Warga Kerja, Ahli Majlis, semua agensi kerajaan dan swasta kerana telah memberi kerjasama dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian kawasan Labis.

Akhir kata, Majlis Daerah Labis akan terus komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan dan juga pemegang taruh.

Sekian, terima kasih.

*Herman bin Raban*

*Yang Dipertua  
Majlis Daerah Labis*



# LAWATAN DYMM SULTAN JOHOR KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA BANJIR DI SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG TENANG

1 Januari 2022

DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan berangkat ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di SK Kampung Tenang dimana menempatkan 93 keluarga yang terjejas banjir. Baginda berkesempatan bertemu dan beramah mesra dengan penduduk setempat. Pegawai daerah Segamat, Tuan Haji Nasri Bin Md Ali memberikan taklimat berkenaan situasi semasa di Kg Tenang. Baginda berharap agar kebajikan kesemua mangsa banjir terjaga dan segala keperluan makanan mencukupi dalam menghadapi waktu yang sukar ini. Sukarelawan Southern Volunteers Labis juga bersiap siaga dalam membantu mangsa-mangsa banjir di daerah Labis.



# LAWATAN YB DATUK HAJI ONN HAFIZ BIN GHAZI KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA SK KAMPUNG TENANG, LABIS

1 Januari 2022

YB Datuk Haji Onn Hafiz Bin Ghazi, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan telah mengadakan lawatan ke PPS SK Kampung Tenang Labis pada hari ini. Beliau bersama-sama rombongan Southern Volunteers Johor hadir bagi memberikan bantuan makanan, peralatan mandi, lampin pakai buang serta beberapa barangan keperluan harian untuk mangsa-mangsa banjir di PPS tersebut. Beliau tidak melepaskan peluang untuk bertanya khabar dan keadaan rumah mereka yang ditenggalami banjir kepada beberapa keluarga yang ditempatkan di sini. Kehadiran Sharul Shiro yang juga wakil daripada SV Kluang sedikit sebanyak menceriakan penghuni PPS ini. Turut hadir bersama Tuan Haji On Bin Jabar, timbalan setiausaha kerajaan Johor dalam lawatan ini. Diharapkan mangsa-mangsa banjir ini dapat melalui ujian ini dengan tabah.



# SOUTHERN VOLUNTEERS LABIS MEMBANTU PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA SJK (C) AI CHUN

3 Januari 2022

SV Labis turut sama membantu pengagihan makanan kepada mangsa banjir di PPS SJK(C) Ai Chun Kampung Sawah Padi. Sukarelawan dari kalangan belia Labis amatlah dialu-alukan dalam membantu agensi-agensi yang terlibat dalam melancarkan pemberian bantuan kepada penduduk yang terkesan akibat banjir di daerah Labis.

Turut hadir bersama Setiausaha Kerajaan Johor, YB Dato' Haji Azmi Bin Rohani diiringi oleh Pegawai Daerah Segamat, Tuan Haji Hasrin Kamal Bin Hashim dan Yang DiPertua Majlis Daerah Labis Tuan Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi.





# LAWATAN RASMI OLEH YB DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI

3 Januari 2022

Lawatan Rasmi oleh Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor ke Majlis Daerah Labis pada 3 Januari 2022 (Isnin).



# MISI BANTUAN PASCA BANJIR SOUTHERN VOLUNTEERS LABIS KE DAERAH SEGAMAT

10 Januari 2022

Menjunjung Titah DYAM Tunku Mahkota Johor.

Pasukan SV Labis memberi bantuan dalam membersihkan kediaman mangsa banjir di perkampungan sekitar Segamat. Antara kampung yang telah dibantu adalah Kampung Awat, Kampung Paya Pulau, Kampung Kuing Patah dan Kampung Bukit Tunggul.

Berbekalkan peralatan dan 2 unit kenderaan, mereka bergerak mengikut jadual yang telah dikeluarkan oleh pihak Command Center Segamat. Antara kerja pembersihan yang dilakukan adalah mencuci kediaman dan mengumpulkan sampah pukat yang rosak akibat bencana banjir.

Diharapkan usaha murni ini dapat meringankan serba sedikit beban yang ditanggung oleh keluarga mangsa banjir ini.



# MISI BANTUAN PASCA BANJIR

12 Januari 2022

Misi bantuan pasca banjir daerah Segamat diteruskan lagi di Kampung Kuala Paya. SV MDL melakukan pembersihan di Sekolah Agama Kuala Paya di mana lokasi ini menjadi Pusat Pemindahan Sementara bagi mangsa banjir sekitar kampung ini.

Pasukan SV MDL melakukan pembersihan longkang, kawasan bilik darjah dan tandas bagi persediaan pembukaan sesi persekolahan kelak.

Diharapkan dengan sedikit bantuan daripada SV MDL ini dapat meringankan beban para penduduk serta guru Sekolah Agama Kuala Paya khususnya dalam menghadapi hari persekolahan yang akan datang



# OPERASI BERSEPADU SEMPENA SAMBUTAN THAIPUSAM 2022

18 Januari 2022

Operasi Bersepadu Sempena Sambutan Thaipusam 2022 dibawah Pentadbiran Majlis Daerah Labis bersama Agensi Penguatkuasa iaitu PDRM, PKD dan Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN) Daerah Segamat.

Sambutan Thaipusam kali ini dilakukan secara Sederhana dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sentiasa berwaspada dan Mematuhi segala SOP untuk mengelakkan penyebaran dan penularan Wabak Covid-19. Yakin Menang !







## MAJLIS TAKLIMAT & UNDIAN PETAK BAZAR RAMADAN TAHUN 2022

22 Januari 2022

Majlis Taklimat & Undian Petak Bazar Ramadan Tahun 2022 pada 22 Mac 2022 hari Selasa yang telah berlangsung di Dewan Serbaguna Taman Wira Labis. Majlis ini juga dirasmikan oleh Encik Fazaruddin Bin Selamat, Selaku Tuan Setiausaha Majlis Daerah Labis.

Antara Pengisian Taklimat tersebut adalah :-

- Berkaitan Tatacara Pengendalian Makanan Sempena Bazar Ramadan Tahun 2022 disampaikan oleh Wakil Pejabat Kesihatan Daerah Segamat. Tambahan, Sesi Soal Jawab.
- Seterusnya, Taklimat berkaitan Keselamatan dan Pematuhan SOP Pelaksanaan Bazar Ramadan Tahun 2022 oleh Wakil Ketua Balai Polis Labis.
- Taklimat Ringkas oleh Penganjur Bazar Ramadan bagi Pelaksanaan Bazar Ramadan Labis Tahun 2022

Terima kasih juga diucapkan kepada Penganjur Bazar Ramadan dan para peniaga Bazar Ramadan Tahun 2022 dengan memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan Majlis Taklimat dan Undian Petak ini.

Tahniah juga kepada 10 Pemenang Cabutan bertuah, mana yang tidak bernasib cuba lagi tahun Hadapan, InsyaAllah.

Di kesempatan ini kami ingin mengucapkan selamat berniaga dan selamat menjalankan ibadah Ramadan yang penuh keberkahan.

Alhamdulillah, maha suci Allah dengan segala nikmatNya. Semoga pada Ramadan kali ini kita semua menjadi seseorang yang lebih baik lagi. InsyaAllah.

"Marhaban Ya Ramadan"





# PEMANTAUAN BAZAR RAMADAN HARI PERTAMA TAHUN 2022 DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH LABIS

3 April 2022



Pemantauan Lokasi Bazar Ramadan seperti berikut :-

1. Taman Gemilang, Labis (Hadapan Agro Bank Labis & Petronas Arah Segamat)

2. Pekan Chaah (Hadapan Terminal Labis & Chaah)

Perlu diingatkan kepada Pengunjung supaya :-

- Scan dahulu Kod Mysejahtera yang disediakan sebelum memasuki Lokasi Bazar Ramadhan
- Sentiasa memakai Face Mask
- Sentiasa guna alat pencuci tangan / Hand Sanitizer
- Serta Penjagaan Jarak fizikal anda ketika membeli, Elak kawasan sesak / Sempit.

# PEMANTAUAN BAZAR RAMADAN HARI KEDUA TAHUN 2022 DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH LABIS

4 April 2022



Kedadaan pengoperasian Bazar Ramadhan dalam Peralihan Endemik adalah terkawal. Kebangkitan semula Peniaga-Peniaga Kecil dalam Sektor Makanan & Minuman kecil mula dirasai di Bazar Ramadhan Tahun 2022 ini. Terus kekal mematuhi SOP dalam Fasa Peralihan Endemik ini.

Berbuka apa hari ini Warga Labis?

Jom kita ke Bazar Ramadhan Taman Gemilang, Labis Petang ni. Dengarnya terdapat pelbagai juadah enak, seperti Lemang, Ayam Golek, Ayam Tempayan, Kuih Muih Pelbagai Pilihan, Ikan Bakar ada, Satay ada, Pelbagai Jenis Pilihan Air Balang, Lauk-pauk, Buah-Buahan dan macam-macam lagi.

Jom kita memeriahkan suasana Bazar Ramadan Labis

# MISI BANTUAN BANJIR SOUTHERN VOLUNTEERS MAJLIS DAERAH LABIS

12 April 2022

Pasukan Southern Volunteers Majlis Daerah Labis membantu melakukan pembersihan di sekitar Kampung Lembah Bakti yang dinaiki air ekoran hujan lebat semalam. Seramai 36 keluarga telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Ai Chun Sawah Padi malam tadi.

Berbekalkan 2 unit water jet dan barangan pembersihan yang lain, SV MDL telah membantu beberapa buah rumah yang teruk terjejas banjir.

Antara pemilik rumah yang dibantu adalah kediaman warga emas yang tidak mampu untuk melaksanakan kerja pembersihan sendirian.

Diharapkan kesemua mangsa bencana banjir di Kampung Lembah Bakti tabah dalam menjalani ujian di bulan Ramadan yang mulia ini.

Antara Kategori Jenis Perniagaan terlibat adalah Peniaga Pasar Tani (Fama), Pasar Malam Labis, Port Santai Labis (PSL), Car Boot Sale (CBS) serta Penjaja Pagi dan Petang yang telah ditempatkan di Dataran Niaga Labis.

Semoga keputusan lokasi sementara yang telah dipersetujui bersama hari ini dapat meneruskan pendapatan yang baik kepada semua peniaga-peniaga kecil di era Peralihan Endemik ini. Naik taraf Dataran Niaga Labis adalah bertujuan untuk memberikan keselesaan kepada Peniaga dan Mewujudkan Daya Saing Perniagaan yang tinggi untuk masa akan datang. InsyaAllah.







## SESI TOWNHALL BAGI PERBINCANGAN LOKASI PERMINDAHAN SEMENTARA PERNIAGAAN BAGI PENIAGA-PENIAGA KEKAL DATARAN NIAGA, LABIS

23 Mei 2022 

Syukur Alhamdulillah.

Sesi Townhall bagi Perbincangan Lokasi Permindahan Sementara Perniagaan bagi Peniaga - Peniaga kekal Dataran Niaga, Labis telah diadakan untuk memberi Pemakluman awal bagi Pelaksanaan Kerja - kerja Naiktaraf Dataran Niaga , Labis yang akan dijalankan dalam tempoh terdekat.

Antara Kategori Jenis Perniagaan terlibat adalah Peniaga Pasar Tani ( Fama ) , Pasar Malam Labis , Port Santai Labis ( PSL ) , Car Boot Sale ( CBS ) serta Penjaja Pagi dan Petang yang telah ditempatkan di Dataran Niaga Labis.

Semoga keputusan lokasi sementara yang telah dipersetujui bersama hari ini dapat meneruskan pendapatan yang baik kepada semua peniaga-peniaga kecil di era Peralihan Endemik kini. Naiktaraf Dataran Niaga Labis adalah bertujuan untuk memberikan keselesaan kepada Peniaga dan Mewujudkan Daya Saing Perniagaan yang tinggi untuk masa akan datang. InshaAllah.



# LAWATAN TAPAK KERJA MENGENAI PENGALIHAN TIANG TNB DI JALAN EMAS 10, LABIS

19 Julai 2022

Lawatan tapak kerja oleh Jurutera dan Penolong Jurutera. Majlis Daerah Labis bersama pihak Safwa Global Venture-M Sdn Bhd dan Tenaga National Berhad (TNB) untuk membincangkan pengalihan tiang TNB bagi memudahkan pelaksanaan kerja ditapak serta memberi laluan untuk kerja-kerja pembaikan cerun di Jalan Emas 10, Labis. Terima kasih kepada pihak yang terlibat.



# MESYUARAT PELARASAN ISU-ISU BERKAITAN BAGI PROJEK PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN-JALAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SECARA BERSEPADU DI SELURUH NEGERI JOHOR DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH LABIS

20 Julai 2022



# PEMANTAUAN PENGUATKUASA TERHADAP ADUAN AWAM BERKAITAN SALAHGUNA/ PINDAH MILIK LESEN PENJAJA PASAR MALAM/ PAGI KEPADA WARGA ASING/ BUKAN WARGANEGARA

22-25 Julai 2022

Pemantauan di Lokasi tetap Pasar Lambak :-

Lokasi : Pasar Malam Labis (Jumaat)

Lokasi : Pasar Pagi Chaah ( Ahad )

Lokasi : Pasar Malam Bekok (Isnin)

Hasil Siasatan mendapati tiada penemuan sepertimana aduan, akan tetapi Bahagian Penguatkuasa akan sentiasa membuat pemantauan kerap supaya tiada aktiviti yang menyalahi UUK Pasar Malam/ Sehari ( MDL ) 2011.

Sebarang Aduan / Maklumat boleh disampaikan kepada Pihak Majlis Daerah Labis, jika terdapat info sebagaimana Aduan ini.

Tambahan juga , Info - Borang Permohonan untuk Lesen Pasar Malam / Pagi boleh didapati di Kaunter Lesen Majlis Daerah Labis bagi Warganegara Malaysia Sahaja . Jom Mohon.

Tindakan Penguatkuasaan boleh diambil bagi yang ingkar dibawah UUK Pasar Malam/ Sehari UUK 7 (1)

PEMEGANG LESEN TIDAK BOLEH MEMINDAH MILIK LESEN KEPADA MANA-MANA ORANG/PERTUBUHAN TANPA KEBENARAN YANG DIPERTUA. Kadar Kompaun : RM 500

Jangan berani mencuba. Stop





# LAWATAN KERJA PENANDAARASAN MAJLIS DAERAH LABIS KE PERPUSTAKAAN MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

26 Julai 2022



Lawatan Kerja Penandaarasan Majlis Daerah Labis ke Perpustakaan Majlis Perbandaran Segamat.

Bahagian Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Labis telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Majlis Perbandaran Segamat bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan kerja yang terbaik untuk pelanggan-pelanggan Majlis Daerah Labis.

Terima Kasih diucapkan kepada pihak Majlis Perbandaran Segamat di atas perkongsian ilmu. Semoga bermanfaat

## PENGLIBATAN BERSAMA PARA PENJAJA DAN MAJLIS DAERAH LABIS DALAM MEMBANTU MENCAPAI OBJEKTIF JOHOR BERSIH

3 Ogos 2022

"Kebersihan dalam Perniagaan adalah Penting"

Penglibatan bersama Para Penjaja dan Majlis Daerah Labis dalam membantu mencapai objektif Johor Bersih .

Lokasi : Kawasan Penjaja Susur Jalan Biru, Labis/ Kawasan Taman Bandar Jaya , Labis

Terima kasih kepada semua penjaja yang terlibat atas kerjasama yang padu untuk memastikan persekitaran perniagaan adalah bersih.

"Kekal bersih & hidup Ceria"



## LAWATAN PENGAUDITAN PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2021 DI MAJLIS DAERAH LABIS

10 Ogos 2022

Panel penilai adalah terdiri daripada 6 orang Pegawai iaitu

1. Ketua Penilai : Puan Lilian Tai Yee Chi (Pegawai Perancang Bandar Dan Desa- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLAN Malaysia)
2. Panel Penilai :
  - Encik Muhamad Aizuddin Bin Safiaai (Pegawai Perancang Bandar Dan Desa-Bahagian Rancangan Fizikal Negara, PLAN Malaysia)
  - Encik Mohamed Firdaus Bin Othman (Penolong Pengarah Kanan - Bahagian Perunding Kawalan Kemajuan, JKT)
  - Encik Mohd Sharill Bin Lazim (Penolong Pengarah Kanan - Bahagian Pengurusan Maklumat, JKT)
  - Encik Muhammad Fazrul Bin Aselan (Penolong Pengarah - Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam, JKT)
3. Urusetia : Encik Chin Khien Leong (Penolong Pengarah Kanan - Bahagian Inspektorat, JKT)

Panel penilai turut berkongsi pandangan yang wajar dilaksanakan oleh Majlis Daerah Labis bagi meningkat mutu penyampaian perkhidmatan serta pencapaian MDL dalam pelbagai proses kerja.

Panel penilai juga telah mengadakan lawatan sekitar Pejabat MDL, Gerai Majlis Tenang Stesen dan Pusat Rekreasi Kolam Air Panas Labis.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada panel penilai KPKT, para pegawai dan kakitangan MDL atas kerjasama serta komitmen sepanjang proses penilaian (SPB-PBT) dijalankan.





# MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH LABIS 2022/ 2023

2 Ogos 2022

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis telah sempurna diadakan di hadapan Encik Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi, Yang Dipertua MDL serta disaksikan oleh Encik Fazaruddin Bin Selamat, Setiausaha MDL dan ketua-ketua jabatan. Tahniah kepada 24 orang Ahli Majlis MDL yang telah dilantik dan sekalung tahniah juga diucapkan kepada Ketua Whip MDL yang baru iaitu Encik Azahar Bin Ibrahim.

Semoga dengan pelantikan ini dapat membantu meningkatkan lagi perkhidmatan MDL kepada orang awam.



## KEBERANGKATAN DYMM SULTAN JOHOR KE LABIS

9 Ogos 2022

Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Berangkat sama, YAM Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim ke Labis.

Mengiringi Baginda Tuanku Sultan pada lawatan itu ialah Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Tan Sri Dato' Dr. Azmi Rohani.

Baginda Tuanku Sultan berkenan beramah mesra dengan penduduk Labis di Warung Mee Kicap, Kampung Paya Merah.

Baginda juga turut merasmikan Rumah Kraf Labis dan mengadakan lawatan di sekitar Rumah Kraf tersebut.





# RAPTAI PENUH MENJELANG SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN YANG KE-65 TAHUN 2022 PERINGKAT DAERAH SEGAMAT

29 Ogos 2022

Rapatri Penuh Menjelang Sambutan Hari Kebangsaan Yang ke-65 Tahun 2022 Peringkat Daerah Segamat telah selesai dijalankan bertempat di Dataran Segamat yang melibatkan perarakan perbarisan wakil warga pekerja Majlis Daerah Labis.



## SAMBUTAN AMBANG KEMERDEKAAN YANG KE-65 TAHUN 2022 DI DATARAN LABIS

30 Ogos 2022

Sambutan Ambang Kemerdekaan Yang Ke-65 Tahun 2022 di Dataran Labis telah selesai diadakan yang telah dihadiri oleh En Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi - Yang Dipertua Majlis Daerah Labis, Encik Fazaruddin Bin Selamat - Setiausaha Majlis Daerah Labis, YB Tan Chong Ahli Dewan Undangan Negeri Bekok, Encik Herman Bin Raban - Penolong Pentadbir Tanah Dan Daerah Kecil Labis, Ahli-Ahli Majlis dan pengunjung yang memeriahkan sambutan tersebut. Terima kasih kepada semua yang hadir. Salam Kemerdekaan Ke-65



## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-65 TAHUN 2022 PERINGKAT DAERAH SEGAMAT

31 Ogos 2022

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65 Tahun 2022 Peringkat Daerah Segamat telah berlangsung di Dataran Segamat, Johor dengan kehadiran oleh berbilang bangsa penduduk Daerah Segamat yang turut sama memeriahkan suasana hari kemerdekaan ini.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Zahari Bin Sarip, Ahli Undangan Negeri Johor Kawasan Buloh Kasap, Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor selaku wakil rasmi Menteri Besar Johor. Turut dihadiri oleh Encik Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi Yang Dipertua Majlis Daerah Labis dan Encik Fazaruddin Bin Selamat Setiausaha Majlis Daerah Labis, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Daerah Segamat dan Ahli-Ahli Majlis Daerah Labis.

Wakil warga pekerja Majlis Daerah Labis telah turut serta di dalam sambutan dengan menyertai perarakan perbarisan Hari Kebangsaan Ke-65 Tahun 2022 dengan penuh semangat dan dedikasi. Terima Kasih di atas kerjasama yang diberikan. Ucapan terima kasih dan tahniah ditujukan atas usaha mereka yang menjayakan sambutan dengan penuh meriah kerana setelah 2 tahun tiada sambutan yang dibuat akibat COVID-19 yang melanda di negara kita. Teruskan usaha bersama menunjukkan semangat patriotik dan kasih sayang terhadap negara Malaysia tercinta.

**KELUARGA MALAYSIA, TEGUH BERSAMA**





# MENYERTAI DAN MEMENANGI TEMPAT KETIGA KEJOHANAN BADMINTON ANTARA JABATAN DAERAH SEGAMAT

13 Ogos 2022

► Dewan Serbaguna Jementah, Segamat

Pihak Majlis Daerah Labis Telah Menghantar Wakil Menyertai Dan Memenangi Tempat Ketiga Ke Kejohanan Badminton Antara Jabatan Daerah Segamat Dan Semua Pentadbiran Tanah Negeri Johor Anjuran Pejabat Tanah Daerah Segamat Sempena Hari Tanah Negara Dan Hari Kebangsaan Tahun 2022

Tahniah diucapkan kepada semua yang menyertai!



## MAJLIS MENANDATANGANI DAN SERAHAN SURAT SETUJU TERIMA

22 Ogos 2022

Majlis Menandatangani Dan Serahan Surat Setuju Terima oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Labis, Encik Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi Kepada Kontraktor Bagi Projek Membina Dan Menyiapkan Pusat Komuniti Setempat Labis, Segamat, Johor Darul Takzim

Turut hadir bersama Jurutera MDL, Encik Zaid Bin Misran dan Penolong Jurutera Kanan MDL Encik Nazir Bin Rahmat



## OPERASI MENURUNKAN KAIN RENTANG / GEGANTUNG

23 Ogos 2022

Operasi menurunkan Kain Rentang / Gegantung berkeadaan usang / kotor dan tidak mendapatkan Permit Iklan Sementara / kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Labis.

Tujuan untuk memastikan persekitaran laluan utama dan kawasan simpang berkeadaan bersih dan tiada halangan awam.

"Kekal Bersih & Hidup Ceria"





# PROGRAM LOCAL AGENDA 21 'HIKE TO CLEAN' SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN KE-65 TAHUN 2022

13 Ogos 2022

Telah berlangsung program Local Agenda 21 (LA21) Hike To Clean yang bertempat di Taman Eko Rimba Sungai Bantang Bekok hasil usahasama Majlis Daerah Labis dengan Pejabat Perhutanan Segamat. Program ini bertepatan dengan inisiatif bagi mengekalkan imej bandar Labis sebagai sebuah bandar yang mampan. Penyertaan dari agensi seperti Balai Polis Bekok, Jabatan Pengairan Dan Saliran Segamat, Jabatan Kerja Raya Segamat, SW Corp Segamat, SWM Cawangan Labis dan Pejabat Tanah Dan Daerah Kecil Labis juga amat baik. Tidak tertinggal wakil badan korporat iaitu Bank Rakyat Cawangan Labis yang turut berkolaborasi dalam program ini. Selain itu, persatuan seperti Kelab Sukan Karisma, Southern Volunteers dan KRT Kampung Melayu Bekok turut bersama menjayakan program Hike To Clean. Selain dari mendaki sambil membersihkan kawasan sekitar, sebanyak 100 batang anak pokok merbau turut ditanam sebagai salah satu usaha mengekalkan kelestarian alam sekitar terutamanya di kawasan pelancongan semulajadi seperti di Taman Eko Rimba Sungai Bantang. Usaha yang murni ini turut memberi kesedaran tentang kepentingan tumbuhan bagi menghalang kejadian tanah runtuh.

Diharapkan usaha murni semua pihak yang terlibat dapat menjadikan bandar Labis sebagai sebuah bandar yang bersih, sihat dan lestari.

Program dirasmikan oleh En Fazaruddin Bin Selamat, Setiausaha Majlis Daerah Labis diiringi oleh Encik Zulkarnaen Bin Ehwan, Ketua Unit Pembiayaan Bank Rakyat Labis serta Encik Zaharuddin Bin Othman, Penolong Pemelihara Hutan/Renjer



## KUNJUNGAN DARI SK LABIS BAGI PROGRAM JEJAK ANAK MERDEKA SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN YANG KE-65 TAHUN 2022

30 Ogos 2022

Majlis Daerah Labis telah menerima kunjungan dari Sekolah Kebangsaan Labis bagi Program Jejak Anak Merdeka bagi sambutan Hari Kemerdekaan Yang Ke-65 Tahun 2022 bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat yang telah dihadiri oleh wakil pelajar dan guru sekolah tersebut.

Dalam program ini telah diadakan penyerahan poskad yang direka khas oleh pelajar, persembahan pantun, syair dan sajak yang telah disaksikan oleh Encik Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi, Yang Dipertua Majlis Daerah Labis, Ketua-Ketua Bahagian dan Wakil Pekerja Majlis Daerah Labis.





## LAWATAN MENTERI BESAR JOHOR KE PARLIMEN LABIS

23 September 2022



Lawatan YAB Menteri Besar Johor ke Parlimen Labis  
YAB Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor membuat lawatan ke Parlimen Labis hari ini di :

### Lokasi Pertama

Dewan Tan Sri Pasamanickam, Chaah Penyerahan Mock Cheque bagi pengambilan tanah bagi tujuan Pembinaan Jalan Untuk Projek Perumahan di Lot 887 & Lot 888 Mukim Chaah Kepada Pegawai Daerah Segamat

Penyerahan Mock Cheque bagi Persatuan Penganut Sri Mahamariamman Ladang Sg Labis

Penyerahan Mock Cheque bagi Persatuan Penganut Sri Ahli Parasakthi Labis

### Lokasi Kedua:

Kedai De'Villa Kopitiam, Chaah

Penyerahan Peruntukan Pembangunan Kawasan Kg Baru Cina

### Lokasi Ketiga:

Tapak Cadangan Mini Stadium Labis

Pembentangan taklimat berkaitan cadangan pembinaan Mini Stadium Labis oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Labis, Encik Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi

### Lokasi Keempat:

Dewan Persatuan Meninggikan Akhlak Cha Thai Kor, Labis

Penyerahan Notis 5A Felcra Peta Temalik kepada 120 orang penerima

Penyerahan Mock Cheque Bayaran Notis 5A Felcra Peta Temalik oleh Felcra Berhad kepada Pengarah Tanah dan Galian Johor

Penyampaian Sumbangan Bakul Makanan kepada 150 orang penerima

Penyampaian Sumbangan Peribadi YAB Menteri Besar Johor kepada mangsa kebakaran



# PROGRAM SIHAT CERGAS BERSAMA KOMUNITI SIHAT

6 Oktober 2022



Program Sihat Cergas Bersama Komuniti Sihat Anjuran Majlis Daerah Labis bersama Klinik Kesihatan Labis telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Majlis Daerah Labis.  
Terima kasih kepada semua yang terlibat.

## MENGEMASKINI DATA PERIBADI TERKINI BAGI PEMEGANG PERMIT PASAR MALAM ATAU SEHARI

30 Oktober 2022

Majlis Daerah Labis dalam usaha mengemaskini data peribadi terkini bagi pemegang permit pasar malam / sehari di kawasan Pentadbiran bagi persediaan data lengkap tahun 2023.

Dimohon semua penjaja - penjaja pasar malam/ sehari untuk menghantar maklumat data seperti yang diperlukan kepada anggota / kakitangan bertugas di lapangan atau ke kaunter pelesenan Majlis Daerah Labis.

Mudah ke mudah ?



## PEMBUKAAN KAUNTER LUAR BAGI PENERANGAN BERKAITAN CUKAI TAKSIRAN DAN PENERANGAN/ HEBAHAN TENTANG DISKAUN 70% - 80%

11-12 November 2022

Alhamdulillah, Selesai Pembukaan Kaunter luar Bagi Penerangan berkaitan Cukai Taksiran dan Penerangan / hebahan tentang diskaun 70 % - 80 %.

Tujuan Pembukaan kaunter luar bagi memudahkan maklumat berkaitan Cukai taksiran dan diskaun kompaun di sampaikan kepada masyarakat setempat.

Insyallah, Progam seperti ini akan sentiasa diteruskan pada masa akan datang.

Lokasi Gelanggang Bola keranjang, Chaah & Dewan Serbaguna Bekok sempena Program Gerak Mesra Zon Ahli Majlis Chaah dan Bekok.



# PENILAIAN MAJESTIC JOHOR STANDARD KE KAWASAN PELANCONGAN LABIS

11 November 2022

Pihak Majlis Daerah Labis (MDL) menerima kehadiran Sekretariat Tourism Johor bagi penilaian program Majestic Johor Standard. Program ini bertujuan memberi penilaian kepada aspek kebersihan, keselamatan dan keselesaan yang akan menjadi panduan kepada pelancong.

Lima pusat pelancongan telah dipilih bagi menjayakan program ini antaranya Labis Sunrise Farm, Bengkel Kayu Warisan, Pusat Rekreasi Kolam Air Panas, Cabin Hill Eco Resort dan Taman Eko Rimba Sungai Bantang. Lokasi yang dipilih merupakan tempat tumpuan kemasukkan pelancong ke Labis sekaligus dapat meningkatkan ekonomi setempat.

Pihak MDL sangat mengalu-alukan kerjasama pemain-pemain industri pelancongan setempat dalam menaikkan lagi sektor pelancongan Labis.  
Jom jalan-jalan Labis.



## RONDAAN BAGI PEMANTAUAN, REKOD DAN HEBAHAN TENTANG KESEDARAN PERMOHONAN PERMIT MEJA/KERUSI/STALL/ SKRIN LAYAR/KHEMAH DI TEMPAT AWAM

11-12 November 2022

Rondaan bagi Pemantauan, Rekod dan Hebahan tentang kesedaran permohonan Permit Meja / Kerusi / Stall / Skrin layar / Khemah di Tempat Awam.

Fokus : Pemilik Kedai Makanan / Minuman / Restoran / Cafe / Gerai PBT. Kebanyakan pengusaha / pemilik lesen perniagaan masih belum tahu tujuan utama permit ini dikuatkuasakan di Pentadbiran Majlis Daerah Labis. Meletakkan kerusi dan Meja di tempat awam yang juga menjadi jalan utama bagi pengguna jalan raya yang lain. Tambahan juga, peletakan Meja dan Kerusi ini dibenarkan bermula jam 5 petang dan ke atas bukan bersifat 24 Jam.

Memang benar pengudaraan yang baik adalah dikawasan terbuka, tapi perlu difikirkan juga perlindungan kepada Pengunjung yang datang ke Premis , Betul kan ?

Permit ini juga menetapkan pengambilan insurans Liabiliti Awam bagi perlindungan pengunjung dan garis panduan wajib untuk meletakkan Kon Keselamatan/ Hazard Tape / Caution Tape di persekitaran meja dan kerusi yang diletakkan di kawasan awam / Parking Awam

Keselamatan Pengunjung yang hadir ke premis amatlah penting bagi Pengusaha / Pemilik Lesen Perniagaan . Kami sudah maklum awal, jangan jadi penyebab kepada perkara yang tidak diingini.







## MAJLIS DAERAH LABIS MENERIMA ANUGERAH BANDAR MAMPAN TAHUN 2022

13 Disember 2022

Majlis Daerah Labis telah menerima Anugerah Bandar Mampam Tahun 2022 yang telah disampaikan pada hari ini oleh Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor kepada Encik Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi, Yang Dipertua Majlis Daerah Labis.

Turut mengiringi penyampaian anugerah tersebut Yang Berhormat Dato' Haji Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Sekalung tahniah diucapkan



## KEBERANGKATAN TIBA DYMM PERMAISURI JOHOR DAN CHE' PUAN BESAR KE LABIS

30 Disember 2022

Keberangkatan Tiba DYMM Permaisuri Johor Dan Che' Puan Besar ke Labis

Keberangkatan DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor diiringi Che' Puan Besar Khaleeda Binti Bustamam menziarahi pusara arwah adik Lokman Bin Danial@Zainal di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Gatom.

Baginda berkenan menyiram pusara dan turut menyerahkan sumbangan kepada waris keluarga Allahyarham adik Lokman Bin Danial@Zainal. Seterusnya DYMM Permaisuri Johor dan Che' Puan Besar berangkat ke pejabat Majlis Daerah Labis untuk santapan petang. Allah Peliharakan Sultan.





# MAJLIS PELANCARAN JOHOR BERSIH

2 Julai 2022

Majlis Pelancaran Johor Bersih telah dilaksanakan serentak di seluruh negeri Johor termasuk di bandar Labis. Majlis Pelancaran peringkat Majlis Daerah Labis telah berlangsung di Dataran Labis. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim, Pegawai Daerah Segamat sekaligus menjayakan gimik pelancaran dengan jayanya. Antara pengisian program adalah aktiviti plogging dan walkabout kebersihan premis makanan yang diketuai oleh Pegawai Daerah Segamat. Selain itu, Skuad Bistari Majlis Daerah Labis yang merangkumi Bistari Kebersihan, Bistari Penguatkuasaan dan Bistari Pengindahan Bandar turut dilancarkan dengan menyerahkan vest bagi setiap wakil. Penyempurnaan Geran Bistari kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Segamat serta Pejabat Tanah dan Daerah Kecil Labis diserahkan bagi menjayakan Program Jalan Angkat. Turut hadir bersama Encik Rudy Rizal bin Mohd Hanapi, Yang Dipertua Majlis Daerah Labis, Encik Fazaruddin Bin Selamat, Setiausaha Majlis Daerah Labis, Encik Herman bin Raban, Penolong Pentadbir Tanah Labis serta YB Tan Chong, ADUN Bekok. Komuniti setempat dan persatuan penduduk sekitar bandar Labis juga bersama-sama dalam menjadikan bandar Labis sentiasa dalam keadaan bersih dan lestari.



## AKTIVITI PLOGGING MAJLIS DAERAH LABIS OLEH SKUAD BISTARI KESIHATAN MDL

21 Julai 2022

Turut hadir bersama Encik Rudy Rizal Bin Mohd Hanapi selaku yang Dipertua Majlis Daerah Labis dan Yugeswaran A/L Suyampragasam selaku Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasa SWCORP.

Agensi Terlibat:

- Majlis Daerah Labis
- Pejabat Tanah Dan Daerah Kecil Labis
- Jabatan Kerja Raya
- Jabatan Pengairan Dan Saliran
- Jabatan Pendaftaran Negara Labis
- Swcorp Segamat/ Labis
- SWM Env. Caw. Labis



## PEMBERSIHAN MENEBAANG POKOK REPUT DI KAWASAN DARLING WALK, CHAAH

2 Ogos 2022



Kerja-kerja pembersihan menebang pokok reput di kawasan Darling Walk, Chaah telah dilaksanakan oleh Skuad Bistari Bahagian Pengindahan Bandar (Lanskap) Ayuh kita semua menjadikan Labis sebagai bandar yang bersih dan lestari

## KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MENEBAANG POKOK DI HADAPAN SMK SERI BALI CHAAH

4 Ogos 2022

Sambungan kerja-kerja pembersihan menebang pokok yang menghalang pandangan keluar masuk simpang di hadapan SMK Seri Bali Chaah telah dilaksanakan oleh Skuad Bistari Bahagian Pengindahan Bandar (Lanskap) Ayuh kita semua menjadikan Labis sebagai bandar yang bersih dan lestari





# JOHOR BERSIH BERSAMA PENJAJA/ PELESEN PERNIAGAAN

Penglibatan bersama Para Penjaja , Pelesen Perniagaan dan Majlis Daerah Labis dalam membantu mencapai objektif Johor Bersih .

Lokasi: Kawasan Penjaja Taman Perling, Labis / Taman Wira.

Terima kasih kepada semua penjaja/ Pelesen Perniagaan yang terlibat atas kerjasama yang padu untuk memastikan persekitaran perniagaan adalah bersih.

"Kekal bersih & hidup Ceria"

7 Ogos 2022



## KERJA-KERJA PEMBERSIHAN AWAM PERHENTIAN BAS DAN BAHU JALAN DI JALAN UTAMA, LABIS

8 Ogos 2022



Kerja-kerja pembersihan awam perhentian bas dan bahu jalan di Jalan Utama Labis telah dilaksanakan oleh Skwad Bistari Bahagian Pengindahan Bandar (Lanskap)

Ayuh kita semua menjadikan Labis sebagai bandar yang bersih dan lestari

## KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MENEBAANG POKOK DI JALAN UTAMA, LABIS

8 Ogos 2022



Kerja-kerja pembersihan menebang pokok di Jalan Utama, Labis telah dilaksanakan oleh Skwad Bistari Bahagian Pengindahan Bandar (Lanskap)

Ayuh kita semua menjadikan Labis sebagai bandar yang bersih dan lestari.

## PENGLIBATAN PENJAJA/ PELESEN KOMERSIL DAN PUSAT PENJAJA CHAAH DALAM AKTIVITI PLOGGING/ GOTONG ROYONG

15 Ogos 2022



Penglibatan Penjaja / Pelesen Komersil dan Pusat Penjaja Chaah dalam aktiviti Plogging / Gotong Royong bersama Bahagian Kesihatan Persekitaran, Pelesenan & Penguatkuasaan, Penilaian dan Pengurusan Harta serta Undang - Undang Majlis Daerah Labis.

Aktiviti ini bertujuan meningkatkan kesedaran bersama dalam penjagaan persekitaran perniagaan yang bersih.

Terima kasih atas kerjasama padu yang diberikan oleh semua peniaga dalam memastikan objektif Johor Bersih tercapai.

## KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MENEBAANG POKOK DI TAMAN MESRA CHAAH

18 Ogos 2022



Kerja-kerja pembersihan menebang pokok di Taman Mesra Chaah telah dilaksanakan oleh Skwad Bistari Bahagian Pengindahan Bandar (Lanskap)

Ayuh kita semua menjadikan Labis sebagai bandar yang bersih dan lestari



# KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MENCANTAS POKOK DI JALAN SEGAMAT LABIS

30 Ogos 2022

Kerja-kerja pembersihan mencantas pokok di Jalan Segamat Labis telah dilaksanakan oleh Skuad Bistari Bahagian Pengindahan Bandar (Lanskap)



## AKTIVITI PLOGGING OLEH SKUAD BISTARI KESIHATAN MDL



## PROGRAM JOHOR BERSIH DI ZON AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI JOHOR

22 Oktober 2022

Program Johor Bersih Di Zon Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor telah dilaksanakan serentak di seluruh negeri Johor termasuk di Bandar Labis.

Aktiviti gotong-royong pembersihan oleh setiap Ahli Majlis, Majlis Daerah Labis telah melaksanakan program ini dengan jayanya bersama penduduk sekitar Zon masing-masing.

Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menjadikan Bandar Labis sentiasa dalam keadaan bersih dan lestari.







SAMBUTAN

# *Hari Raya Aidilfitri*

MDL 2022







# MAJLIS *Anugerah Perkhidmatan Cemerlang* & MALAM SANJUNGAN BUDI 2022







# MAJLIS DAERAH LABIS

85300 LABIS, SEGAMAT, JOHOR DARUL TA'ZIM

☎ 07-925 1781 ☎ 07-925 1308

✉ [mdlbs@johor.gov.my](mailto:mdlbs@johor.gov.my)

📘 Majlis Daerah Labis - Rasmi

📷 [mdlbs.official](#) 🎵 [mdlabis](#)

